

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING
(STAMPIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.10.2016

Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pendapatan negeri Sarawak semenjak 2008. Senaraikan sumbangan mahupun bayaran ini kepada Persekutuan mengikut tahun daripada segi jumlah serta peratusan pendapatan setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang diminta berkenaan jumlah pendapatan Negeri Sarawak berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Untuk makluman juga, pada masa ini tiada sebarang sumbangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri

Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan selain daripada bayaran balik pinjaman yang berjumlah RM1.07 bilion semenjak tahun 2008 hingga kini.